

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : HARIAN METRO  
TARIKH : 04 OGOS 2016

# 10 minit saja

u/shah  
hu

Siraj Mohd Zaini  
siraj@hmetro.com.my

## Shah Alam

**M**ajlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengambil inisiatif memberikan pendedahan menyeluruh mengenai kawalan demam denggi, pengurusan dan penyelenggaraan sampah kepada pengurusan bangunan berstrata di kawasan pentadbirannya.

Datuk Bandar Shah Alam Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, pendedahan itu penting kerana pembangunan perbandaran semakin pesat sekali gus memberi kesan khususnya kepada kadar peningkatan demam denggi.

"Melalui program ini, setiap zon Majlis Perwakilan

## ■ Zon MPP tubuh jawatankuasa hapus nyamuk aedes di Shah Alam

Penduduk (MPP) menubuhkan jawatankuasa bertindak termasuk memberi peringatan kepada penduduk supaya menjalankan pemeriksaan di rumah masing-masing selama 10 minit untuk mengesan tempat pembiakan nyamuk.

"Selain itu, kita juga memberi pendedahan mengenai program pengasingan sampah dan penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)," katanya selepas merasmikan Seminar Pengurusan Strata di sini, semalam.

Dalam pada itu, Zaharin menggesa Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC)

mengerakkan aktiviti di kawasan perumahan masing-masing untuk menjayakan program SEDA-10 (Search and Destroy) yang dilancarkan MBSA.



AHMAD Zaharin